

Pemeriksaan Nilai dan Profesionalisme  
menerusi Penghayatan *Al-Asma' Al-Husna*: Analisis  
Pemikiran Al-Ghazali dalam *Al-Maqsad*  
*Al-Asna Fi Syarh Ma'ani Asma' Allah Al-Husna*


MOHD FAUZI HAMAT

ABSTRACT

*This article analyses al-Ghazali's thoughts on The Beautiful Names of God (al-Asma' al-Husna) in his book, al-Maqsad al-Asna fi Syarh Ma'ani Asma' Allah al-Husna. The author highlighted al-Ghazali's ideas on strengthening ethical values and professionalism based on al-Asma' al-Husna such as al-Rahman, al-Quddus, al-Salam, al-Ghaffar, al-'Adl, al-Latif and others. This article concludes by suggesting that if all values of the al-Asma' al-Husna such as being passionate to others, caring, helpful, objective in thinking and actions, willing to give and able to forgive others are properly understood and implemented, one could demonstrate good professional and ethical values in his daily life.*

PENDAHULUAN

Terdapat beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkat dan memperkasa nilai dan profesionalisme dalam kalangan ahli masyarakat. Sebahagiannya adalah berdasarkan teori-teori pemikiran falsafah etika barat sama ada yang berbentuk klasik atau moden. Sebahagiannya pula adalah berdasarkan pendekatan keagamaan, khususnya agama Islam. Namun demikian, jarang sekali pendekatan Islam misalnya dihuraikan secara jelas agar ia dapat difahami dan dihayati oleh ahli masyarakat. Tokoh pemikir Islam terkenal, al-Imam al-Ghazali telah mengemukakan pemikirannya bagi memandu umat Islam agar mereka dapat menghayati nilai dan profesionalisme menerusi beberapa karya ilmiah yang dihasilkannya. Kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* dan *al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk* misalnya dikarang agar umat Islam, khususnya para pemimpin dan golongan ilmuwan Islam dapat membudayakan nilai dan profesionalisme dalam kehidupan mereka. Di abad yang lampau, kitab *Ihya'* dan *al-Tibr al-Masbuk* telah diterjemahkan oleh Raja Ali (1809-1870) M.,




tokoh ilmuwan Islam dari Riau untuk memudahkan umat Islam tempatan membudayakan nilai dan profesionalisme dalam kehidupan. Sesuai dengan latar belakangnya yang sedemikian, kertas ini akan menghuraikan bagaimana al-Ghazali mengemukakan pemikirannya yang tersendiri menerusi kitab *al-Maqsad al-Asna fi Syarh Asma' Allah al-Husna*, bagaimana sewajarnya nama-nama Allah s.w.t. dihayati dalam kehidupan agar pembudayaan nilai dan profesionalisme dapat disuburkan dalam masyarakat. Pendekatan ketuhanan atau keakidahan beliau ini nyata sekali berbeza dengan pendekatan penghujahan dialektika yang digunakannya menerusi kitab *al-Iqtisad fi al-I'tiqad* dan *Iljam al-'Awam 'an 'Ilm al-Kalam*. Dalam kertas ini, penulis akan menggunakan pendekatan analisis kandungan (content analysis) bagi menilai sejauh mana idea-idea beliau boleh dijadikan asas untuk membudayakan nilai dan profesionalisme dalam kehidupan umat masa kini.

### ASMA' AL-HUSNA DALAM TRADISI KEILMUAN ISLAM

Perbincangan tentang nama-nama Allah s.w.t. turut disentuh dalam tradisi pengajian Islam, khususnya dalam pengajian akidah. Dalam disiplin akidah, perbincangannya mencakupi tiga persoalan besar iaitu ketuhanan, kenabian dan *al-sam'iyat*. Dalam bahagian ketuhanan, perbincangan bab ketuhanan, khususnya yang dipelopori oleh pendekatan mutakallimin, lebih tertumpu kepada permasalahan-permasalahan berkait dengan sifat-sifat Allah s.w.t.; iaitu apa sifat yang wajib bagi Allah s.w.t., sifat yang mustahil dan sifat yang harus bagi-Nya (Nuh 2004: 48). Termasuk dalam perbincangan tentang bab ketuhanan ini juga ialah perbincangan tentang al-Asma' al-Husna. Pada hakikatnya, perbincangan tentang sifat Allah s.w.t. dan nama-nama-Nya yang elok mempunyai kaitan yang amat rapat antara satu sama lain. Jadi tidak perlu ada pertanyaan kenapa misalnya sifat Allah s.w.t. yang wajib diketahui oleh seseorang Muslim mempunyai jumlah tertentu yang berbeza dengan jumlah nama Allah s.w.t. yang 99 itu. Ini kerana menurut al-Asy'ari, nama Allah s.w.t. itu adalah terbit atau ambilan dari sifat-sifat-Nya, misalnya nama Allah s.w.t. al-'Alim diambil dari sifat *al-'Ilm*, *al-Qadir* diambil dari *al-Qudrah*, *al-Hayy* diambil dari *al-Hayat*, *al-Murid* diambil daripada *al-Iradah*, *al-Sami'*, diambil daripada *al-Sam'* dan *al-Basir* diambil daripada al-Basar (al-Asy'ari, 1952: 4 & Mudasir, 1989: 24).

Keterangan tentang nama-nama Allah s.w.t. ini disebut sama ada di dalam al-Quran atau al-Sunnah. Menurut al-Sayyid Sabiq, pengetahuan tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah s.w.t. adalah salah satu jalan untuk mencapai makrifah tentang Allah s.w.t., dimana menerusi nama dan sifat-Nya, Allah s.w.t. memperkenalkan diri-Nya kepada makhluk. Nama dan sifat Allah s.w.t. ialah jendela yang membolehkan roh manusia menyaksikan cahaya Allah dan kengungan-Nya (*anwar Allah wa jalaluh*) (al-Sayyid Sabiq 2000: 22).



Allah s.w.t. menyeru manusia agar berdoa dengan menyebut nama-nama-Nya. Firman-Nya:

Katakanlah: “Serulah Allah atau serulah Al-Rahman. Mana-mana [nama] yang kamu seru, Dia mempunyai nama-nama yang elok dan janganlah kamu meninggikan suaramu dalam solatmu dan janganlah pula merendharkannya dan carilah jalan tengah di antara kedua itu (iaitu antara terlalu meninggikan suara dengan terlalu memperlahkannya).” (al-Qur’an, Al-Isra’ 17: 110)


Di dalam suatu hadis, dinyatakan bahawa nama-nama Allah s.w.t. yang elok itu berjumlah 99, sesiapa yang menghafalnya, iaitu dengan mengingatnya, menghayati pengertiannya dan merasakan kesannya di dalam jiwa (al-Sayyid Sabiq 2000: 23), maka dia akan masuk syurga. Ada pandangan yang menyatakan bahawa penetapan nama Allah s.w.t. ini kepada 99 sahaja kerana adanya keistimewaan orang yang menghafalnya akan memasuki syurga atau kekhususan nama-nama tersebut dari segi adanya tambahan kelebihan pada [nama-nama tersebut yang mengisyaratkan] pemeliharaan [Tuhan menerusi sifat dan nilai yang terkandung di dalamnya] terhadap perkara-perkara utama [yang menentukan kelangsungan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat], penunaian terhadap keperluan [mahluk] dan kerana adanya hikmah tertentu nama-nama lain selain dari nama yang 99 ini disembunyikan dari pengetahuan mahluk-Nya (al-Uryani 2002: 35).

Keterangan tentang nama-nama ini terdapat di dalam Sabda Rasulullah s.a.w (al-Tirmidhi) berikut:


Daripada Abi Hurayrah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya bagi Allah ada sembilan puluh sembilan nama, sesiapa yang menghafalnya, maka dia akan masuk syurga. Dialah Allah yang tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Pemurah [dengan mengurniakan nikmat-nikmat yang umum untuk semua mahluk], Yang Maha Mengasihani [dengan mengurniakan nikmat-nikmat yang terperinci dan lebih khusus, khususnya kepada orang-orang yang beriman], Yang Memerintah [mengikut kemahuan-Nya], Yang Maha Suci [dari segala kekurangan dan keaiban], Yang Memberi Keselamatan [kepada mahluk-Nya], Yang Mengamankan [mahluk-Nya dari azab] dan Yang Membenarkan janjiNya [yang dijanjikan kepada mahluk], Yang Menguasai, Yang Mengatasi [orang lain], Yang Maha Mampu Melaksanakan Sesuatu [Perintah-Nya] dan Yang Memperelokkan Urusan Mahluk-Nya, Yang Memiliki Secara Tunggal Sifat Kebesaran, Yang Mencipta [mahluk dari tiada] atau Yang Menentukan Ketentuan kejadiannya dari awal (al-Muqaddir), Yang Mencipta [sesuatu yang ada roh] dan Yang Mengadakan [sesuatu



yang sudah ada asal usulnya atau Yang Menzahirkan (al-Muzhir) kewujudannya], Yang Memberikan Bentuk [bagi sesuatu sehingga ia terbeza dari sesuatu yang lain], Yang Maha Pengampun, Yang Maha Mengatasi [mahlukNya], Yang Maha Memberi [nikmat secara berterusan], Yang Maha Memberi Rezeki [kepada mahluk-Nya dan mencipta jalan-jalan rezeki], Yang Maha Membuka [pintu khazanah rahmat-Nya kepada mahluk], Yang Maha Mengetahui, Yang Memegang Roh atau Yang Menyempitkan [rezeki kepada hamba-hamba-Nya yang tertentu], Yang Meluaskan [rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya], Yang Merendahkan [sesiapa yang berhak direndahkan dengan diberikan kekecewaan, kehinaan dan siksaan], Yang Meninggikan [mereka yang berhak menerima kedudukan yang tinggi terdiri dari kalangan orang-orang yang bertakwa], Yang Memuliakan [sesiapa yang berpegang teguh dengan agamanya dengan mengurniakan kepada mereka kemenangan dan kemuliaan], Yang Menghinakan [musuh-musuh agama-Nya], Yang Maha Mendengar, Yang Maha Melihat, Yang Maha Bijaksana [dalam menetapkan hukum], Yang Maha Adil, Yang Maha Menghalusi (iaitu mengetahui perkara-perkara yang kecil dan halus), Yang Maha Lembut (iaitu tidak cepat murka dan tergesa-gesa menjatuhkan hukuman atau mengenakan balasan, Yang Maha Agung [dengan mencapai puncak keagungan], Yang Maha Pengampun, Yang Maha Membalas (iaitu dengan memberi balasan yang banyak di atas amalan yang tidak seberapa), Yang Maha Tinggi [sehingga ketinggiannya tidak boleh digambarkan oleh akal manusia dan juga difahami], Yang Maha Besar [sehingga kebesarannya tidak boleh digambarkan oleh akal manusia], Yang Maha Memelihara [sesuatu dari kerosakan dan ketidakstabilan, juga menjaga amalan-amalan yang dilakukan oleh seseorang hamba, sehingga tidak akan ada yang dilupakan atau disia-siakan], Yang Mencipta dan Mencukupkan Makanan Yang Mengenyangkan [bagi rohani dan jasmani manusia], Yang Mencukupkan [keperluan hambanya] atau Yang Menghitung [suratan amalan hambanya pada hari kiamat], Yang Maha Luhur (kerana keluhuran dan kesempurnaan sifat-sifat-Nya), Yang Maha Pemurah (iaitu dengan mengurniakan sesuatu tanpa diminta atau tanpa mengharapkan balasan dari hambanya), Yang Amat Mengamati [sesuatu dan memerhatikannya], Yang Amat Memperkenankan Doa [hambanya bila mereka berdoa dan meminta pertolongan dari-Nya], Yang Maha Luas [sehingga rahmat-Nya meliputi segala perkara dan ilmu-Nya mencakupi segala perkara], Yang Maha Memiliki Kebijaksanaan [kerana kesempurnaan ilmu-Nya dan ketekunan-Nya dalam melakukan sesuatu], Yang Maha Penyayang [terhadap mahluk-Nya dengan sentiasa menginginkan kebaikan dan sentiasa memperelok urusan mereka], Yang Maha Mulia [dengan mencapai puncak ketinggian dan kemuliaan], Yang Membangkitkan (iaitu dengan membangkitkan atau mengutuskan rasul




kepada manusia atau membangkitkan manusia di dalam kubur), Yang Menyaksikan [sesuatu perkara dan mengetahui tentang makhluk-Nya], Yang Benar atau Yang Tetap [dan tidak berubah], Yang Menjadi Wakil [bagi menjaga urusan makhluk-Nya dan memenuhi segala keperluan mereka], Yang Maha Kuat [dengan memiliki kekuatan yang sempurna], Yang Maha Kukuh atau Perkasa [kerana telah mencapai puncak keperkasaan], Yang Maha Melindungi [urusan makhluk-Nya kerana Dia amat menyayangi makhluk-Nya dan ingin menolong mereka], Yang Maha Terpuji [kerana hanya Dia yang berhak menerima segala pujian], Yang Maha Penghitung [sehingga tidak ada sesuatu pun yang tidak diketahui-Nya], Yang Memulai [sesuatu daripada tiada], Yang Mengembalikan [sesuatu selepas ketiadaannya], Yang Menghidupkan [iaitu dengan memberikan kehidupan kepada sesuatu yang berhak hidup], Yang Mematikan, Yang Hidup [kekal abadi], Yang Berdiri Sendiri [dan mendirikan sesuatu yang lain, di mana dengan-Nya berdiri langit dan bumi], Yang Mendapat [apa yang diinginkan-Nya tanpa memerlukan pertolongan orang lain], Yang Mulia, Yang Menjadi Tumpuan [bagi memenuhi hajat seseorang], Yang Maha Kuasa, Yang Menentukan, Yang Mendahulukan sesuatu [di atas sesuatu yang lain dari segi kewujudan, kemuliaan, masa dan tempat], Yang Mengakhirkan sesuatu [dari sesuatu yang lain], Yang Pertama (iaitu Yang Qadim dan tidak didahului oleh sesuatu yang lain), Yang Akhir, Yang Maha Nyata [dengan menzahirkan kewujudan-Nya berdasarkan tanda-tanda kewujudan dan kebesaran-Nya di alam ini], Yang Maha Tersembunyi [zat-Nya sehingga tidak diketahui oleh sesiapa pun], Yang Maha Menguasai [sesuatu dan memiliki-Nya], Yang Maha Suci [dari segala kekurangan], Yang Banyak Mengurniakan Kebajikan [kepada makhluk-Nya], Yang Menerima Taubat (iaitu dengan memberi taufik kepada orang yang derhaka untuk bertaubat, kemudian taubat mereka diterima-Nya), Yang Memberi Balasan [kepada orang yang berhak menerimanya], Yang Maha Pemaaf, Yang Maha Pengasih, Yang Menguasai Kerajaan-Nya [di mana segala perkara yang berlaku di langit dan bumi selaras dengan kehendak-Nya], Yang Memiliki Kebesaran dan Kemuliaan, Yang Maha Mengadili (iaitu dengan memberi balasan yang setimpal ke atas pelaku kezaliman), Yang Mengumpulkan [sesuatu] atau Yang Mengumpulkan [manusia hari kiamat], Yang Maha Kaya [dan tidak memerlukan sesuatu dari makhluk-Nya, bahkan makhluk-Nya amat memerlukan-Nya], Yang Memberi Kekayaan [sesiapa yang dikehendaki-Nya], Yang Maha Menghalang (iaitu yang membela makhluk-Nya dan menghalang faktor-faktor kemusnahan mereka), Yang Memberi Kemudaratan [iaitu dengan menurunkan seksaan dan mengenakan musibah kepada para seteru-Nya], Yang Memberi Manfaat [kepada makhluk-Nya sehingga manfaat tersebut dapat dikecapi secara meluas di dunia ini], Yang Maha Bercahaya (iaitu



Yang Zahir hakikat diri-Nya dan menzahirkan kewujudan-Nya kepada orang lain berdasarkan tanda-tanda kewujudan-Nya di alam ini), Yang Memberi Petunjuk, Yang Maha Mencipta Sesuatu Yang Baru [sehingga tiada tandingan ciptaan-Nya itu], Yang Maha Kekal [untuk selama-lama-Nya], Yang Mewarisi [iaitu Yang Kekal selepas kemusnahan segala maujud], Yang Maha Cerdik [sehingga dengan sifat ini, Dia boleh memberi tunjuk ajar kepada makhluk-Nya], Yang Maha Penyabar (iaitu tidak tergesa-gesa mengenakan siksaan dan tidak gopoh dalam melakukan sesuatu).”

Dalam tradisi pengajian akidah, para ulama amat mengambil berat tentang nama-nama Allah s.w.t. Mereka berusaha menghimpun nama-nama Allah s.w.t. berdasarkan keterangan al-Quran dan al-Sunnah, sebagaimana yang dibentangkan sebahagiannya di atas. Sebahagian nama Allah s.w.t. menunjukkan atas zat-Nya yang Maha Tinggi seperti Allah s.w.t., menunjukkan satu sifat tertentu yang dimiliki-Nya seperti *al-‘Alim* yang menunjukkan zat Allah s.w.t. yang bersifat mengetahui segala sesuatu, *al-Qadir* yang menunjukkan zat Allah s.w.t. yang bersifat berkuasa atas segala perkara. Nama-nama Allah s.w.t. yang elok adalah bersifat *qadim* iaitu sedia kala. Allah s.w.t. sendiri yang menamakan diri-Nya dengan nama-nama tersebut. Dia juga yang mengajarkan kepada makhluk-Nya sebahagian nama-nama-Nya menerusi perantaraan para Rasul a.s. Nama-nama-Nya wujud sebelum makhluk ciptaan-Nya dijadikan-Nya. Dalam ertian bahawa, Dia *al-Qadir* (Yang Berkuasa) sebelum sesuatu yang ada di alam ini diwujudkan dengan kekuasaan-Nya. Dia *al-Sami’* (Maha Mendengar) sebelum segala maujud dan segala sesuatu yang boleh didengar (*al-masmu’at*) wujud di dalam ini. Pihak makhluk tidak terlibat langsung dalam memberi nama kepada Allah s.w.t., bahkan Dia sendiri yang menamakan zat-Nya yang bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan (Nuh, 2004: 81-82). Sabda Rasulullah s.a.w:

Tidak ada sesuatu kedukacitaan atau kesedihan yang menimpa seseorang, lantas dia berdoa [dengan berkata], “Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku adalah hamba-Mu dan anak hamba-Mu dan anak hamba perempuan-Mu, ubun-ubun kepalaku di tangan Engkau. Hukuman yang telah Engkau tetapkan akan berlaku ke atasku, penetapan hukum yang telah Engkau putuskan amat adil. Aku bermohon dengan semua nama yang telah Engkau namakan sendiri dengan-Nya diri Engkau atau [nama] yang telah Engkau ajarkan setiap orang dari makhluk-Mu atau Engkau telah turunkan-Nya di dalam kitab-kitab-Mu atau Engkau telah sembunyikan [pengetahuan mengenainya] di alam ghaib di sisi-Mu, bahawa Engkau jadikan al-Quran ini penenang hatiku dan cahaya [yang menyinari] dadaku dan penghapus dukacitaku serta penghilang perasaan dukacitaku”,



melaikan Allah akan menghapuskan perasaan dukacita dan sedihnya itu dan menggantikannya dengan perasaan lapang dada. (Riwayat Musnad Ahmad)

Menurut al-Ghazzali, setiap nama Allah s.w.t. mempunyai maknanya yang tersendiri yang berbeza dengan yang lain walaupun terdapat beberapa nama yang seakan-akan mempunyai pengertian yang sinonim seperti *al-Kabir*, *al-'Azim* yang merujuk kepada Yang Maha Besar/Agung, *al-Qadir*, *al-Muqtadir* yang merujuk kepada Yang Berkuasa, *al-Khaliq*, *al-Bari'* dan *al-Musawwir* yang merujuk kepada Yang Maha Pencipta/Pembuat, namun pengertiannya berbeza antara satu sama lain (al-Ghazzali 2003: 40). Sebagai orang yang beriman, kita perlu memahami betul-betul pengertian nama-nama Allah s.w.t. dan wajib memahaminya berdasarkan makna yang sesuai dan layak bagi Allah s.w.t., misalnya *al-Sabur* yang tidak boleh ditafsirkan sebagai Yang Sabar dengan pengertian "seseorang yang dapat menanggung segala kesusahan" kerana makna ini mustahil bagi Allah s.w.t., tetapi difahami dengan makna "Yang Tidak Tergesagesa Menjatuhkan Hukuman ke atas makhluk-Nya", atau *al-Halim* yang tidak boleh ditafsirkan dengan makna "Yang Bersabar Menanggung Penderitaan" kerana makna tersebut juga mustahil bagi Allah s.w.t., tetapi dengan makna "Yang Tidak Tergesagesa Menjatuhkan Hukuman kepada orang yang menderhakainya", iaitu pengertian yang hampir sama dengan *al-Sabur* tadi. (Nuh 2004: 83). Firman Allah s.w.t.:

Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dia-lah yang Maha mendengar, lagi Maha Melihat. (al-Qur'an, al-Syura 42: 11)

## PENGHAYATAN ASMA' AL-HUSNA DAN KEPENTINGANNYA

Menurut pandangan al-Ghazzali, nama-nama Allah yang elok perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh Muslim, iaitu menerusi penghayatan terhadap makna yang terkandung di dalamnya dan berusaha meniru nilai-nilai mulia yang terkandung di dalamnya. Di dalam membincangkan isu penghayatan ini, Al-Ghazzali mengemukakan suatu keterangan hadis Rasulullah s.a.w. yang walaupun boleh dipertikaikan taraf kesahihannya, namun hadis ini disebut oleh beberapa ulama Tafsir dalam kitab-kitab tafsir mereka seperti *al-Razi* dan *al-Alusi*. Hadis ini menyuruh umat Islam berakhlak dengan akhlak Allah s.w.t. yang terkandung di dalam nama-nama-Nya yang mulia. Hadis yang dimaksudkan ialah sabda Rasulullah s.a.w yang ertinya, "Hendaklah engkau berakhlak dengan akhlak Allah". Orang-orang yang hampir dengan Allah s.w.t. atau *al-muqarrabin* menghayati *Asma' al-Husna* menerusi tiga cara seperti berikut (al-Ghazzali 2003: 45-58):

1. Mencapai makrifah tentang makna-makna *Asma' al-Husna* secara *mukashafah* dan *musyahadah* sehingga jelas difahami hakikatnya berpandukan dalil-dalil yang tepat. Makrifah tentang makna ini menyebabkan terdedah kepadanya ketersifatan Allah s.w.t. dengan makna-makna sifat tersebut sehingga menghasilkan keyakinan dalam dirinya menerusi cerapan penyaksian (*musyahadah*) batinnya, bukan menerusi cerapan fakulti inderawinya.
2. Mengagungkan makna-makna *Asma' al-Husna* yang dicapainya menerusi *mukashafah* tersebut yang diserlahkan menerusi keinginannya yang amat sangat untuk turut bersifat dengan sifat atau nilai-nilai yang terkandung dalam nama-nama tersebut sekadar termampunya hingga seseorang itu dapat menghampiri Tuhan-Nya dari segi sifat, bukan dari segi tempat. Memang selamanya manusia tidak akan dapat menyamai sifat Allah s.w.t. secara sempurna kerana hanya Allah s.w.t. yang memiliki kesempurnaan sifat yang terpuji, namun dia boleh berusaha menghiaskan dirinya dengan sifat-sifat tersebut seboleh mungkin. Perasaan ingin memiliki sifat-sifat Allah s.w.t. tersebut akan terbit dari hati sanubarinya melainkan kerana ada dua halangan; (1) kurangnya tahap capaian *makrifah* dan keyakinan seseorang terhadap hakikat pengertian sifat-sifat yang terkandung dalam nama-nama Allah s.w.t. tersebut, (2) hati seseorang amat rindu atau berkeinginan terhadap perkara yang lain, iaitu selain dari kerinduan atau keinginan untuk menghiaskan dirinya dengan sifat-sifat Allah s.w.t., umpamanya seseorang pelajar yang terlalu ingin untuk memiliki sifat-sifat kesempurnaan yang dimiliki oleh gurunya kerana terpesona dengan sifat-sifat tersebut akan hilang keinginan tersebut apabila ia berada dalam keadaan kelaparan. Ini kerana keinginannya untuk mendapat makanan mengatasi keinginannya untuk mendapatkan ilmu atau sifat mulia yang dimiliki oleh gurunya itu. Oleh itu, seseorang yang ingin meniru atau menghiaskan dirinya dengan sifat-sifat Allah s.w.t. tidak sekadar perlu memiliki tahap capaian makrifah yang tinggi terhadap hakikat nama-nama Allah s.w.t., tetapi juga perlu mengosongkan jiwanya dari kerinduan atau keinginan terhadap tarikan nafsu syahwat.
3. Berusaha sedaya mungkin untuk memiliki sifat-sifat tersebut dan berakhlak dengannya serta menghiaskan diri dengan nilai-nilai baik yang ada di dalamnya. Dengan itu, seseorang itu akan menjadi manusia *rabbani* iaitu insan yang dekat dengan Tuhan-Nya dan akan menjadi teman rapat kepada malaikat.



Berdasarkan kepada huraian di atas, dapat dinyatakan bahawa manusia perlu memahami betul-betul pengertian nama-nama Allah s.w.t. yang elok agar dia dapat membezakannya dengan sifat-sifat yang ada pada makhluk. Selain daripada itu, dia perlu berusaha untuk memiliki nilai-nilai yang terkandung di dalam nama-nama Allah s.w.t. dan meniru sifat tersebut dengan menghayatinya dalam menjalani kehidupannya seharian. Apabila seseorang berakhlak dengan nilai akhlak yang terkandung di dalam nama-nama Allah s.w.t. yang elok, maka aspek nilai dan profesionalisme akan dapat dipertingkatkan dalam kehidupan manusia. Hasilnya manusia akan berperilaku berdasarkan rangsangan nilai tersebut dan bertindak secara profesionalisme dalam menjalani segala urusan kehidupannya.


### ASMA' AL-HUSNA DAN PENINGKATAN NILAI DAN PROFESIONALISME

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum, terdapat beberapa nilai utama yang terkandung di dalam nama Allah s.w.t. yang boleh dihayati pengertiannya dalam kehidupan manusia. Al-Ghazzali membincangkan aspek penghayatan terhadap nilai ini dalam bahagian tanbih (peringatan) dalam kitab *al-Maqсад al-Asma*. Dalam penggunaan bahasa Melayu, istilah nilai boleh didefinisikan sebagai sifat ketinggian (pemikiran, agama, kemasyarakatan dan lain-lain (Kamus Dewan 2007: 1081). Manakala istilah profesionalisme bermaksud sifat-sifat (kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu dan lain-lain) sebagaimana yang sewajarnya terdapat pada atau dilaksanakan oleh seseorang profesional (Kamus Dewan 2007: 1233). Ternyata sifat-sifat ketinggian yang terkandung di dalam *al-Asma' al-Husna*, sekiranya dihayati betul-betul akan menyuburkan profesionalisme dalam sesuatu masyarakat atau organisasi. Berikut diterangkan bagaimana al-Ghazzali menghuraikan beberapa nama Allah s.w.t. yang boleh dijadikan panduan bagi maksud untuk memperkasa nilai dan profesionalisme (al-Ghazzali 2003: 64-130) dan kaedah kawalan terhadap amalan-amalan yang bertentangan dengan nilai dan profesionalisme.

1. ***Al-Rahman*** - Dengan menghayati sifat *al-Rahman* (Yang Maha Pemurah), seseorang akan sentiasa mengasihi orang lain. Dengan itu, ia akan berusaha mengingatnya dan menasihatnya secara lemah lembut sekiranya ia lalai dan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai mulia dan bertindak secara tidak profesional. Nasihat itu diberikan dengan penuh kasih sayang kerana ia takut rakannya dimurkai oleh Allah s.w.t di hari akhirat sehingga terdedah dengan siksaan-Nya yang amat pedih. Dengan menghayati sifat pemurah dan


kasih sayang ini juga, seseorang akan sentiasa berusaha memenuhi keperluan orang lain yang amat memerlukan dalam bidang kuasa yang ada padanya. Dia akan berusaha memenuhi keperluan orang lain dengan harta, pangkat dan usaha agar hajat mereka akan dapat dipenuhi. Sekiranya ia tidak mampu melakukannya dengan bantuan semua itu, ia akan sentiasa berdoa untuk rakannya itu dan melahirkan perasaan dukacita atas kesengsaraan yang dialaminya kerana hajatnya tidak dapat dipenuhi.

2. ***Al-Quddus*** - Dengan menghayati sifat *al-Quddus* (Yang Maha Suci), seseorang perlu menyucikan hati sanubarinya dari *iradah* atau kemahuan yang buruk, misalnya kecenderungan menurut nafsu syahwat dan kecondongan menurut perasaan marahnya terhadap seseorang atau sesuatu. Dia tidak cenderung untuk mencapai kepentingan dirinya yang terserlah pada keinginan untuk mendapatkan keseronokan hidup di dunia seperti makan minum, hubungan seks, dan habuan-habuan keduniaan yang lain berbanding dengan keinginannya untuk mendapat keredaan Allah s.w.t. dan keinginan untuk menghampirkan diri kepada-Nya. Apabila nilai ini dihayati, maka dia akan menghayati nilai-nilai yang baik dan menghindarkan diri dari nilai-nilai buruk dan amalan-amalan yang bertentangan dengan profesionalisme.
3. ***Al-Salam*** - Dengan menghayati sifat *al-Salam* (Yang Maha Memberi Keselamatan), seseorang akan berusaha memberi keamanan dan keselamatan kepada orang lain. Orang yang berada dalam gangguan ketakutan akan diberi pertolongan yang sewajarnya. Dia akan berusaha meletakkan dirinya sebagai sebab terselamatnya orang lain daripada azab Allah s.w.t. di akhirat. Lantaran itu, dia akan memberi tunjuk ajar ke jalan yang benar dan menghayati nilai-nilai yang mulia agar ia terselamat dari kemurkaan dan laknat Allah s.w.t. di akhirat.
4. ***Al-Ghaffar*** - Nama Allah *al-Ghaffar* (Yang Maha Pengampun) juga bermaksud Allah s.w.t. suka menzahirkan kebaikan yang ada pada seseorang dan menutup keburukan yang ada padanya. Allah s.w.t. menutup hal-hal yang buruk yang ada pada jasad manusia dan sifat-sifat buruk yang ada di dalam hati sanubari manusia. Sekiranya sifat-sifat buruk yang tersembunyi di lubuk hati manusia seperti sifat penipu, buruk sangka, khianat didedahkan oleh Allah s.w.t. kepada orang lain, tentu sekali dia akan dibenci oleh seluruh orang yang berada di sekelilingnya. Selain daripada itu, Allah s.w.t. juga melindungi




keburukan dan kejahatan yang dilakukan oleh manusia dari didedahkan di hadapan khalayak pada hari kiamat dengan mengampuni dosa-dosa seseorang hamba apabila dia bertaubat atau Allah s.w.t. menukarkan kejahatannya dengan kebaikan apabila dia berbuat baik. Apabila nilai yang terkandung di dalam nama ini dihayati di dalam kehidupan seseorang, dia akan cuba berusaha menutupi keburukan yang ada pada orang lain. Lantaran itu, dia tidak akan menjadi seorang pengumpat, pengintai keburukan orang lain (*al-mutajassis*), dan bukan seorang yang pendendam. Orang yang menghayati nilai ini akan cuba menonjolkan kebaikan dan keelokan yang ada pada seseorang dan tidak suka menyebarkan keburukan orang lain. Amalan-amalan buruk yang bertentangan dengan nilai-nilai mulia dan amalan tidak profesionalisme tersebar dalam masyarakat atau organisasi disebabkan ada kecenderungan untuk menonjolkan keburukan yang ada pada pihak lain dan melupai aspek-aspek kebaikan yang ada padanya.

5. ***Al- 'Adl*** - Dengan menghayati sifat dan nilai *al- 'Adl*, seseorang akan dapat memperkasa nilai dan profesionalismenya. Penghayatan seseorang terhadap nilai ini ialah dengan berusaha menjadi seorang yang adil pada dirinya sendiri iaitu secara umumnya dengan menjadikan hawa nafsu syahwat dan nafsu marahnya terpenjara dan sentiasa mengikut arahan akal dan perintah agamanya. Selama mana akalnya menjadi khadam kepada hawa nafsu syahwat dan nafsu marahnya, selama itulah dia menzalimi dirinya sendiri. Manakalah secara terperinci, dia perlu memelihara dirinya dari melanggar batasan syarak. Dia akan menjadi seorang yang adil bila mana seluruh anggota badannya digunakan untuk melakukan sesuatu perkara atau perbuatan yang dibenarkan oleh syarak. Dalam ertian kata yang lain, keadilan akan terserlah bilamana dia meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sewajarnya.
6. ***Al-Latif*** - Dengan menghayati nilai yang terkandung di dalam nama ini, maka seseorang akan berusaha untuk bersikap lemah lembut sesama makhluk Allah s.w.t. Dia akan berlembut dalam menyeru mereka kepada jalan kebenaran dan dalam memberi tunjuk ajar ke arah menghayati akhlak yang mulia, tanpa menggunakan cara-cara yang kasar dan meliarkan sasarannya. Kaedah secara berlembut yang boleh mendorong orang lain menghayati nilai-nilai yang baik ialah dengan menunjukkan contoh teladan yang baik dan melakukan amalan-amalan yang terpuji. Ini lebih berkesan berbanding dengan cara bersyarah atau berceramah.



7. ***Al-Khabir***- Dengan menghayati nilai yang terkandung di dalam nama ini, seseorang akan berusaha untuk mendapat maklumat yang secukupnya tentang alam persekitarannya dan keadaan hati sanubari dan keadaan fizikalnya. Dia akan cuba menguasai pengetahuan tentang sifat-sifat buruk yang tersembunyi di dalam lubuk hatinya seperti sifat penipu, khianat dan sifat terlalu ingin untuk mendapatkan habuan dunia. Seseorang yang betul-betul memahami semua ini dan berusaha untuk menghindarkan diri dari berperilaku sedemikian rupa.
8. ***Al-Shakur*** - Makna *al-Shakur* ialah Allah s.w.t. memberi balasan yang banyak di atas amalan ketaatan yang tidak seberapa dilakukan oleh hamba-Nya. Allah s.w.t. memberi balasan di akhirat dengan balasan yang tidak terhitung banyaknya walaupun amalan yang dilakukan oleh mereka tidaklah banyak sangat. Dengan menghayati nilai yang terkandung di dalam nama ini, seseorang akan sentiasa berterima kasih kepada orang lain dengan memberi pujian yang sewajarnya di atas amalan yang mulia dan dengan cara memberi balasan yang lebih di atas sesuatu pekerjaan yang dilakukan orang lain.
9. ***Al-Hafiz*** - Dengan menghayati nilai yang terkandung di dalam nama Allah s.w.t. ini, seseorang akan menjaga anggota badan, hati sanubari, dan agamanya agar dia tidak melakukan perkara-perkara yang mengundang kemurkaan Allah s.w.t. Dia juga akan memastikan dirinya terpelihara dari godaan hawa nafsu dan tipu daya syaitan yang boleh menjerumuskannya ke arah kebinasaan.
10. ***Al-Wasi'*** - Dengan menghayati nilai yang terkandung di dalam nama Allah s.w.t. ini, seseorang akan berusaha agar dia mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan memiliki nilai-nilai akhlak yang mulia; sehingga dengan itu jiwanya menjadi lapang. Jiwanya menjadi lapang dan tidak disempitkan oleh ketakutan terhadap kefakiran, perasaan hasad dengki, sifat tamak dan sifat-sifat buruk yang lain.
11. ***Al-Wadud*** - Dengan menghayati nilai yang terkandung di dalam nama Allah s.w.t. ini, seseorang itu akan berusaha memastikan orang lain akan dapat memperoleh apa yang diinginkan, sebagaimana yang turut diinginkan. Begitu juga sebaliknya. Nilai utama yang terhasil menerusi penghayatan terhadap nilai ini ialah seseorang itu akan bersikap mengutamakan orang lain berbanding dengan dirinya sendiri. Nilai ini akan menjadi lebih sempurna apabila sifat mengutamakan orang lain ini tidak menyebabkan dirinya menjadi seorang pemaarah dan pendendam



walaupun mereka melakukan kejahatan terhadapnya. Sabda Rasulullah s.a.w setelah kakinya terluka dan mukanya berdarah dalam Perang Uhud, maksudnya: “Wahai Tuhan-Ku, ampunilah kaumku, sesungguhnya mereka tidak mengetahui.”


12. ***Al-Hamid*** - Dengan menghayati nilai yang terkandung di dalam nama Allah s.w.t. ini, seseorang akan berusaha memastikan dirinya memiliki sifat-sifat terpuji kerana pegangan akidahnya yang betul, akhlaknya yang mulia serta perbuatan dan kata-katanya yang baik.

### KESIMPULAN

Berdasarkan pembentangan sebahagian dari nama-nama Allah s.w.t. di atas dapat dirumuskan bahawa jikalau nilai-nilai yang terkandung di dalam *al-Asma' al-Husna* difahami secara tepat sehingga tersingkap cahaya keagungan sifat-sifat Allah s.w.t., tentu sekali hati sanubari manusia akan dapat menyaksikannya. Susulan daripada itu, tentu sekali akan muncul keinginan yang sangat kuat di dalam hati mereka untuk berusaha memiliki nilai-nilai tersebut. Ini hanya akan berlaku bilamana jiwa manusia dapat membebaskan dirinya dari kerinduan terhadap runtunan hawa nafsu dan melepaskan dirinya dari terpenjara oleh godaan hawa nafsu. Kalau ini berlaku dia selamanya tidak akan dapat menyucikan dirinya dari sifat kebinatangan sebagai prasyarat untuk menghiaskan dirinya dengan sifat-sifat kemalaikatan. Apabila wujud *makrifah* yang sempurna tentang *Asma' al-Husna*, maka ini akan membolehkan dirinya meniru sifat-sifat Allah s.w.t. dan berakhlak dengan sifat-sifat tersebut. Jikalau hal ini berlaku, maka dia akan memperolehi *al-hikmah* iaitu memiliki pengetahuan tentang kebenaran (*al-haqq*) dan beramal dengan amalan-amalan yang baik (*al-khayr*). Jikalau ini berlaku, maka pemilikinya akan memperolehi kurniaan kebaikan dan keberkatan dalam hidupnya. Nyata sekali bahawa sekiranya *al-Asma' al-Husna* dihayati secara tepat pada tahapan yang paling sempurna, maka manusia akan dapat memperkasa nilai-nilai ketinggian dan membudayakan profesionalisme dalam menjalani kehidupan seharian.

### RUJUKAN

- Al-Asy'ari. 1952. Kitab *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Ziyagh wa al-Bida'*. Beirut: Matba'ah al-Kathulikiyyah.
- Al-Asy'ari. 1985. *al-Ibanah 'an Usul al-Diyannah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi



- Al-Ghazzali, Abu Hamid. 2003. *al-Maqṣad al-Asna fi Syarh Ma 'ani Asma' Allah al-Husna*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Sayyid Sabiq. 2000. *al-'Aqa'id al-Islamiyyah*. Kaherah: Al-Fath li al-I'lam al-'Arabi.
- Al-'Uryani, 'Uthman al-Kulaysi. 2002. *Khayr al-Qala'id fi Syarh Jawahir al-'Aqa'id*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamus Dewan (Edisi ke-empat)*. 2007. Kuala Lumpur: Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mudasir Rosder. 1989. *Asas Tauhid: Pertumbuhan dan Huraianya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuh 'Ali Salman. 2004. *al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jawharah al-Tawhid*. Kuala Lumpur: Mu'asasah al-Bayan.

Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya